



**MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG
JALAN PINANG RAJA
32040 SERI MANJUNG
PERAK DARUL RIDZUAN**

1. Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **221002 @ 221003** (mana-mana yang berkaitan) yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, keupayaan kewangan dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:-

RUJUKAN TENDER	NAMA PROJEK	TARAF	KELAS PECAHAN KEPALA & SUB KEPALA	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TUTUP DAN HANTAR BORANG	HARGA DOKUMEN SENASKAH (RM)
MPM JKPB T 1/2016	Kontrak Perkhidmatan Kerja-Kerja Kutipan Sampah di TLDM, Lumut dan SKTLDM, Sitiawan Untuk Majlis Perbandaran Manjung	Bumiputera	221003	11 Okt. 2016 Hingga 31 Okt. 2016 (selepas taklimat)	04 Nov. 2016 jam 12.00 tengahari	150.00
MPM JKPB T 5/2016	Kontrak Perkhidmatan Kerja-Kerja Pembersihan Pantai, Pemotongan Rumput, Pembersihan Kawasan Dan Pembersihan Sistem Perparitan Zon 1 – Teluk Batik Untuk Majlis Perbandaran Manjung	Bumiputera	221002	11 Okt. 2016 Hingga 31 Okt. 2016 (selepas taklimat)	04 Nov. 2016 jam 12.00 tengahari	150.00

2. Dokumen tawaran boleh disemak dan dibeli secara tunai di **Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan** mulai pada tarikh di atas mengikut waktu biasa pejabat. Dokumen tawaran tidak akan dijual atau dikeluarkan selepas tempoh yang tersebut di atas.

3. Lawatan tapak untuk kontrak Perkhidmatan Kerja-Kerja Kutipan Sampah di TLDM, Lumut dan SKTLDM, Sitiawan akan diadakan pada 11 Oktober 2016 (Selasa) jam 8.30 pagi, berkumpul di Lobi Majlis Perbandaran Manjung dan sesi taklimat akan diadakan pada jam 12.00 tengahari di Dewan Anjung Perdana, Majlis Perbandaran Manjung. Kehadiran taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan bagi kontraktor yang ingin memasuki tender (wakil tidak dibenarkan). Dokumen tawaran hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang hadir pada sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja.

4. Bagi kontrak Perkhidmatan Kerja-Kerja Pembersihan Pantai, Pemotongan Rumput, Pembersihan Kawasan dan Pembersihan Sistem Perparitan Zon 1 – Teluk Batik, sesi taklimat akan diadakan pada jam 2.30 petang di Dewan Anjung Perdana, Majlis Perbandaran Manjung. Kehadiran taklimat adalah diwajibkan bagi kontraktor yang ingin memasuki tender (wakil tidak dibenarkan). Dokumen tawaran hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang hadir pada sesi taklimat sahaja.

5. Dokumen yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri/bermeterai. Nombor rujukan tawaran hendaklah dinyatakan di muka depan sampul surat tersebut dengan terang dan jelas serta dialamatkan kepada **Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak** dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di **Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak** pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada **04 November 2016**. Dokumen tender yang diterima selepas masa yang ditetapkan atau yang tidak lengkap akan ditolak.

6. Bayaran dokumen tender tidak akan dikembalikan kepada Petender.

7. Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG
JALAN PINANG RAJA, 32040 SERI MANJUNG, PERAK**